




KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH

A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 409 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 41,449 kes. Tiada kematian direkodkan pada hari ini.
- 2 Pada hari ini, seramai 331 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembuh 37,658 orang. Sejumlah 2,822 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 763 orang di hospital dan 2,059 orang di PKRC. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 68 orang dan 20 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Tiada penambahan zon merah dicatatkan.

- 4 Pada hari ini, **TIADA** kluster baharu dilaporkan.
- 5 Daripada 409 kes positif COVID-19 yang direkodkan, sebanyak 255 kes (62.3%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala 87 kes (21.3%), saringan rentas negeri 8 kes (2%), saringan kluster-kluster sedia ada 25 kes (6.1%), dan 34 kes (8.3%) adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di Hospital COVID-19 adalah sebanyak 1,018 unit. Sementara, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) adalah 5,756 unit menjadikan jumlah keseluruhan 6,774 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 41.66%.

B. BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Sehingga hari ini, sebanyak **315,814** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan sasaran.

C. BANTUAN LOGISTIK

- 1 Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri mempunyai 236 buah kenderaan yang sedia digunakan bagi tujuan bantuan logistik COVID-19.
- 2 Daripada jumlah tersebut, sebanyak sembilan (9) buah kenderaan digunakan untuk mengangkut pesakit COVID-19 dan baki 227 kenderaan pelbagai jenis bersedia digerakkan jika perlu.

D. KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **94%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Sipitang	94%
2	Kota Belud	94%
3	Kinabatangan	94%
4	Kudat	94%
5	Beaufort	94%
6	Kunak	94%
7	Semporna	94%
8	Kota Marudu	94%
9	Beluran	94%
10	Ranau	94%
11	Tuaran	94%
12	Keningau	94%
13	Tenom	94%
14	Papar	94%
15	Kota Kinabalu	94%
16	Penampang	94%
17	Sandakan	94%
18	Lahad Datu	94%
19	Tawau	94%

- 2 Pihak PDRM akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa dengan mengenakan kompaun RM1000.00 di bawah Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988).
- 3 Orang ramai dinasihatkan untuk terus patuhi SOP dan arahan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa bagi membendung penularan pandemik COVID-19.

E. LAPORAN SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS* (IOW)

- 1 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di empat (4) premis di tiga (3) daerah iaitu Lahad Datu, Tawau dan Kudat.
- 2 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 133 lokasi di 22 daerah. Hebahan dibuat dalam empat (4) bahasa iaitu Bahasa Melayu, Bahasa Dusun, Bahasa Iranun dan Bahasa Bajau.

Bersama-sama kita memainkan peranan serta bertanggungjawab dengan mengamalkan norma baharu dalam kehidupan seharian untuk terus membendung penularan pandemik COVID-19 dengan sentiasa mematuhi SOP dan tidak berasa selesa kerana keadaan masih belum reda sepenuhnya.

#kitajagakita #normabaharu

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
12 Januari 2021**